## KERTAS 1

| No | Jawapan | Halaman Buku Teks | No | Jawapan | Halaman Buku Teks |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | B | 9 | 21 | D | 7 |
| 2 | D | 10-11 | 22 | C | 11 |
| 3 | B | 24 | 23 | B | 24 |
| 4 | C | 37 | 24 | B | 31 |
| 5 | D | 60 | 25 | D | 44 |
| 6 | A | 84 | 26 | A | 51 |
| 7 | A | 94 | 27 | A | 68 |
| 8 | D | 113 | 28 | C | 73 |
| 9 | B | 130 | 29 | D | 92 |
| 10 | C | 136 | 30 | A | 106 |
| 11 | D | 150 | 31 | A | 117 |
| 12 | A | 160 | 32 | A | 125 |
| 13 | C | 174 | 33 | C | 140 |
| 14 | B | 179 | 34 | D | 158 |
| 15 | A | 203 | 35 | C | 169 |
| 16 | A | 207 | 36 | B | 186 |
| 17 | C | 222 | 37 | B | 206 |
| 18 | B | 224 | 38 | B | 213 |
| 19 | D | 244 | 39 | D | 231 |
| 20 | A | 246 | 40 | B | 232 |

**A: 11** **B: 11** **C: 8** **D: 10**



Scanned with

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

# PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2026

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA**
**SEJARAH**
**Kertas 2**
**Julai 2026**
2 ½ Jam

**1249/2**

## PERATURAN PEMARKAHAN
## SEJARAH
## Kertas 2

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**


**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh**. Kegunaanya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa juga bentuk penulisan dan percetakan.


| | | |
|---|---|---|
| **NAMA PEMERIKSA** | : | |
| **NAMA SEKOLAH** | : | |
| **TANDA TANGAN PENERIMAAN PERATURAN PERMARKAHAN** | : | |
| **TARIKH** | : | |
| **COP SEKOLAH** | : | |

Peraturan Pemarkahan ini mengandungi **26** halaman bercetak.

Scanned with

| Soalan | | Perkara / Huraian | Mark |
|---|---|---|---|
| 1(a) | | ***Namakan dua undang- undang tersebut*** | |
| | F1 | Hukum Kanun Melaka | 1 |
| | F2 | Undang-undang Laut Melaka | 1 |
| | | [Mana-mana 2F x 1m] | [Mak 2m] |
| 1(b) | | ***Jelaskan perkara berkaitan jenayah dalam undang-undang tersebut.*** | |
| | F1 | Perbuatan jenayah menggugat ketenteraman dan keharmonian Kesultanan Melayu Melaka | 1 |
| | F2 | Hukuman setimpal dikenakan terhadap kes jenayah | 1 |
| | F3 | Mencuri/ membunuh/ menikam | 1 |
| | F4 | Fasal 5.1 berkaitan kesalahan yang boleh dikenakan hukuman bunuh | 1 |
| | F5 | Seseorang yang didapati membunuh orang lain tanpa pengetahuan raja atau pembesar akan dihukum bunuh | 1 |
| | F6 | Fasal 4, hukuman bunuh kepada yang ingkar arahan sultan | 1 |
| | F7 | Memalsukan titah sultan | 1 |
| | F8 | Menggugat ketenteraman dan keselamatan isi kapal | 1 |
| | F9 | Mencuri/ membunuh/ memberontak | 1 |
| | F10 | Fasal 5 seseorang yang berkelakuan jahat | 1 |
| | F11 | Membunuh orang di atas kapal, maka akan dikenakan hukuman mati | 1 |
| | | [Mana-mana 4F x 1m] | [Mak 4m] |
| 1(c) | | "Undang- undang akan gagal memenuhi objektif penggubalannya tanpa adanya elemen keadilan. Undang- undang dan keadilan tidak boleh dipisahkan" | |
| | | ***Jelaskan kepentingan keadilan dalam pelaksaaan undang-undang di negara kita.*** | |
| | F1 | Menjamin hak rakyat | 1 |
| | F2 | Mengekalkan keamanan negara | 1 |
| | F3 | Meningkatkan kepercayaan rakyat | 1 |
| | F4 | Membendung jenayah dan salah laku | 1 |
| | F5 | Mewujudkan perpaduan rakyat | 1 |
| | F6 | Menjamin kestabilan ekonomi | 1 |
| | | (Mana-mana jawapan munasabah) | |
| | | [Mana-mana 4F x 1m] | [Mak 4m] |

| Soalan | | Perkara / Huraian | Markah |
|---|---|---|---|
| 2(a) | | ***Mengapakah pilihan raya tersebut diadakan?*** | |
| | F1 | Merintis jalan ke arah kemerdekaan | 1 |
| | F2 | Memilih anggota Majlis Perundangan Persekutuan (MPP)/ wakil/pemimpin/parti | 1 |
| | F3 | Menjadi asas berkerajaan sendiri | 1 |
| | F4 | Membentuk kerajaan | 1 |
| | F5 | Membolehkan rakyat membuat keputusan dengan bebas | 1 |
| | F6 | Menggalakan orang awam menyertai pilihan raya | 1 |
| | F7 | Membolehkan rakyat terlibat dalam proses politik | 1 |
| | F8 | Memberi pengalaman mengendalikan pilihan raya | 1 |
| | F9 | Menentukan hala tuju pentadbiran | 1 |
| | F10 | Memilih wakil yang berintegriti | 1 |
| | F11 | Memilih wakil yang mempunyai jati diri yang teguh | 1 |
| | F12 | Memastikan amalan demokrasi dijalankan dengan baik | 1 |
| | F13 | Membuka peluang yang adil kepada semua rakyat | 1 |
| | F14 | Menjamin kerajaan yang bertanggungjawab | 1 |
| | | ~~(mana-mana jawapan berkaitan)~~ | |
| | | Rujukan 2(a), ms 194, 196 & 197 [Mana-mana 2F x 1m] | [Mak 2m] 197 |
| 2(b) | | ***Jelaskan proses Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.*** | |
| | F1 | Penubuhan Penentuan Sempadan Kawasan | 1 |
| | F2 | Membentuk 52 kawasan pilihan raya | 1 |
| | F3 | Rang undang-undang diluluskan bagi membolehkan pilihan raya diadakan | 1 |
| | F4 | Pendaftaran pengundi 18 Oktor 1954 di seluruh Tanah Melayu/ Terengganu bermula 29 Oktober 1954 | 1 |
| | F5 | Penamaan calon (15 Jun 1955) | 1 |
| | F6 | Kempen pilihan raya (45 hari) | 1 |
| | F7 | Mengundi (27 Julai 1955) | 1 |
| | F8 | Peti undi dibawa ke pusat pengiraan undi | 1 |
| | F9 | Proses pengiraan undi dilakukan | 1 |
| | F10 | Pengumuman keputusan | 1 |
| | | ms 200-201 [Mana-mana 4F x 1m] | [Mak 4m] |
| 2(c) | | ***Beri cadangan anda untuk melicinkan proses mengundi di negara kita berdasarkan poster tersebut.*** | |
| | H1 | Semua pengundi menjalankan tanggungjawab mengundi | 1 |
| | H2 | Mengundi di pusat mengundi yang ditetapkan | 1 |
| | H3 | Beratur ketika menunggu giliran mengundi | 1 |
| | H4 | Pangkah calon yang dipilih dengan betul | 1 |
| | H5 | Meletakkan pilihan calon dalam peti undi | 1 |
| | H6 | Pelbagai kaum mengundi secara aman | 1 |
| | | (Mana-mana jawapan berkaitan) | |
| | | [Mana-mana 4H x 1m] | [Mak 4m] |

| Soalan | | Perkara / Huraian | Markah |
|---|---|---|---|
| 3(a) | | ***Senaraikan dua undang-undang bertulis di negeri-negeri Melayu sebelum kedatangan British.*** | |
| | F1 | Hukum Kanun Melaka | 1 |
| | F2 | Undang-Undang Laut Melaka | 1 |
| | F3 | Hukum Kanun Pahang | 1 |
| | F4 | Undang-Undang Kedah | 1 |
| | F5 | Undang-Undang Johor | 1 |
| | F6 | Undang-Undang 99 Perak | 1 |
| | | [Mana-mana 2F x 1m] | [Mak 2m] |
| 3(b) | | ***Jelaskan sejarah penggubalan Perlembagaan Persekutuan dari tahun 1948 hingga tahun 1957.*** | |
| | | Tahun 1948 | |
| | F1 | Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 merupakan titik penting pembentukan sebuah Persekutuan | 1 |
| | F2 | Terdiri daripada negeri-negeri Melayu, Melaka dan Pulau Pinang | 1 |
| | F3 | Kandunganya merangkumi pentadbiran/ kuasa raja Melayu/ perundangan/ kewarganegaraan | 1 |
| | | Tahun 1957 | |
| | F4 | Suruhanjaya perlembagaan dikenali sebagai Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu/ Suruhanjaya Reid | 1 |
| | F5 | Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957 disesuaikan dengan model Westminster | 1 |
| | F6 | Berkuat kuasa sejurus selepas kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 | 1 |
| | F7 | Menjadi asas kepada perlembagaan negara hari ini | 1 |
| | F8 | Lima perkara terma rujukan utama | 1 |
| | F9 | Kerajaan Persekutuan yang kukuh | 1 |
| | F10 | Menjamin kedudukan Raja-raja Melayu | 1 |
| | F11 | Menjamin kedudukan istimewa orang Melayu | 1 |
| | F12 | Menjamin kepentingan sah kaum lain | 1 |
| | F13 | Parlimen mengandungi Dewan Rakyat dan Dewan Negara | 1 |
| | F14 | Kewarganegaraan yang sama | 1 |
| | | [Mana-mana 4F x 1m] | [Mak 4m] |



Scanned with

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3(c) | | ***"Keluhuran Perlembagaan Persekutuan menjadi tunjang kestabilan dan keharmonian negara." Ulaskan.*** | |
| | H1 | Menjadi panduan utama dalam pemerintahan negara | 1 |
| | H2 | Mengukuhkan sistem persekutuan dalam pentadbiran negara | 1 |
| | H3 | Memastikan pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri | 1 |
| | H4 | Mengelakkan permasalahan antara kedua-dua peringkat kerajaan | 1 |
| | H5 | Melindungi hak asasi rakyat | 1 |
| | H6 | Memastikan undang-undang tidak bercanggah dengan perlembagaan | 1 |
| | H7 | Memelihara hak istimewa orang Melayu dan bumiputera | 1 |
| | H8 | Melindungi kepentingan sah kaum lain | 1 |
| | | (Mana-mana jawapan berkaitan) | |
| | | [Mana-mana 4H x 1m] | [Mak 4m] |

| Soalan | | Perkara / Huraian | Markah |
|---|---|---|---|
| 4(a) | | ***Apakah strategi kerajaan bagi mencapai matlamat DEB?*** | |
| | F1 | Membasmi kemiskinan | 1 |
| | F2 | Menambahkan pendapatan | 1 |
| | F3 | Memperbanyak peluang pekerjaan kepada rakyat tanpa mengira kaum | 1 |
| | F4 | Menyusun semula masyarakat | 1 |
| | F5 | Mengurangkan/menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi | 1 |
| | | [Mana-mana 2F x 1m] | [Mak 2m] |
| 4(b)(i) | | ***Pembangunan Pendidikan*** | |
| | F1 | Berlaku seiring dengan pembangunan ekonomi | 1 |
| | F2 | Pembangunan ekonomi memerlukan tenaga kerja mahir yang berpendidikan | 1 |
| | F3 | Pertumbuhan institusi pendidikan di bawah kelolaan pihak kerajaan/ swasta | 1 |
| | F4 | Muncul graduan dalam bidang sains/ teknologi/ teknikal | 1 |
| | F5 | Kebolehan dalam bidang sains/ teknologi/ teknikal amat diperlukan *kejuruteraan* | 1 |
| | F6 | Permintaan yang tinggi dalam bidang perindustrian dan k-ekonomi | 1 |
| | F7 | Pendidikan tinggi memperbaiki taraf hidup rakyat Malaysia | 1 |
| | C1 | Universiti Teknologi Malaysia (UTM) (mana-mana jawapan berkaitan) | 1 |
| | | [Mana-mana 2F x 1m] | [Mak 2m] |
| 4(b)(ii) | | ***Pengangkutan dan Perhubungan*** | |
| | F1 | Pembangunan ekonomi memberikan kesan terhadap pemodenan pengangkutan awam | 1 |
| | F2 | Pelaburan dibuat oleh pihak kerajaan/ swasta | 1 |
| | F3 | Memenuhi keperluan perindustrian/ perdagangan | 1 |
| | F4 | Jaringan sistem jalan raya/ pengangkutan udara/ kereta api/ pelabuhan yang moden | 1 |
| | F5 | Merancakkan aktiviti ekonomi negara/ kawasan pedalaman | 1 |
| | F6 | Memudahkan proses integrasi antara Semenanjung Malaysia dengan Sarawak/ Sabah | 1 |
| | F7 | Memacu pembangunan ekonomi | 1 |
| | F8 | Menyejahterakan kehidupan rakyat | 1 |
| | C1 | Lebuhraya Pantai Timur 2/ MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (mana-mana jawapan berkaitan) | 1 |
| | | [Mana-mana 2F x 1m] | [Mak 2m] |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4(c) | | ***Carta menunjukkan kadar tenaga kerja di Malaysia selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB).*** | |
| | | ***Beri ulasan anda berdasarkan carta tersebut.*** | |
| | H1 | Perubahan kadar tenaga kerja di Malaysia selepas pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) bagi sektor pertanian, pembuatan dan pembinaan dari tahun 1970 hingga 1990 | 1 |
| | H2 | Penurunan sektor pertanian menunjukkan perubahan struktur ekonomi negara daripada berasaskan pertanian kepada perindustrian | 1 |
| | H3 | Peningkatan sektor pembuatan membuktikan DEB berjaya mengembangkan sektor perindustrian negara | 1 |
| | H4 | Pertumbuhan sektor pembinaan berlaku akibat pembangunan infrastruktur/ projek pembangunan negara | 1 |
| | H5 | Pelaksanaan DEB membuka peluang pelbagai jenis pekerjaan | 1 |
| | H6 | Mengurangkan kebergantungan rakyat terhadap sektor pertanian tradisional | 1 |
| | H7 | Meningkatkan taraf hidup rakyat | 1 |
| | H8 | Merangsang pertumbuhan ekonomi negara | 1 |
| | H9 | DEB berjaya memodenkan ekonomi Malaysia | 1 |
| | | (Mana-mana jawapan berkaitan) | 1 |
| | | [Mana-mana 4H x 1m] | [Mak 4m] |

Klu hurtikan melulut shja — ~~Xtr max~~ max 2 markah

Bahagian A - ayat lengkap

| Soalan | | Perkara / Huraian | Markah |
|---|---|---|---|
| 5 (a) | | ***Jelaskan faktor pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948?*** | |
| | F1 | Penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union | 1 |
| | F2 | Orang Melayu/raja-raja Melayu/cendekiawan Melayu/UMNO membantah Malayan Union | 1 |
| | F3 | Memberi kesan buruk kepada raja Melayu/orang Melayu | 1 |
| | F4 | Gammans/Rees Williams menyaksikan bantahan orang Melayu | 1 |
| | F5 | British bimbang berlaku huru-hara di Tanah Melayu | 1 |
| | F6 | Cadangan Raja-raja Melayu dan UMNO | 1 |
| | F7 | Penubuhan persekutuan bertaraf naungan/bukan tanah jajahan | 1 |
| | F8 | Perjanjian baharu menggantikan Malayan Union | 1 |
| | F9 | Jawatan Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor | 1 |
| | F10 | Raja berkuasa dalam perundangan | 1 |
| | F11 | Perkataan "Negeri-negeri Melayu" dalam persekutuan | 1 |
| | F12 | Raja-raja Melayu mendesak British menerima usul pembentukan persekutuan | 1 |
| | F13 | Sultan Perak menghantar surat bantahan ke Parlimen British | 1 |
| | F14 | Sokongan pentadbir British | 1 |
| | F15 | Mewujudkan keamanan, kestabilan dan kemajuan ekonomi | 1 |
| | F16 | Pegawai tinggi British mendorong kerajaan British | 1 |
| | F17 | British melibatkan raja-raja Melayu dalam pentadbiran/Majlis Negeri/Majlis Perundangan | 1 |
| | F18 | Sir Edward Gent bertemu wakil UMNO | 1 |
| | F19 | British memberi peluang kepada Dato Onn dan Raja Melayu mengemukakan cadangan balas | 1 |
| | F20 | Mewujudkan politik yang stabil | 1 |
| | F21 | Menarik pelabur luar | 1 |
| | F22 | Pelaksanaan dasar dekolonisasi | 1 |
| | F23 | Selaras dengan Piagam Atlantik dan cadangan PBB | 1 |
| | F24 | Memberi peluang kepada penduduk tempatan mentadbir negara sendiri. | 1 |
| | | [Mana-mana 4F x 1m] | [Mak 4m] |
| | | 132-133 ms | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 5(b) | | ***Bagaimanakah ciri-ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948 mempengaruhi negara kita pada hari ini?*** | |
| | F1 | Pentadbiran berbentuk persekutuan kekal | 1 |
| | F2 | Gabungan sembilan buah negeri dan 2 buah negeri Selat berada dalam Malaysia | 1 |
| | F3 | Kerajaan Persekutuan hari ini bertanggungjawab dalam hal kewangan serta hal lain yang mempunyai kepentingan bersama | 1 |
| | F4 | Ahli Parlimen/Dewan Negara/Dewan Rakyat masa kini terdiri daripada berbagai kaum | 1 |
| | F5 | Kuasa Raja-raja Melayu kekal diperingkat persekutuan/negeri | 1 |
| | F6 | Mengekalkan sistem Raja Berperlembagaan/Demokrasi Berparlimen | 1 |
| | F7 | Raja-raja Melayu masih menjadi ketua negeri | 1 |
| | F8 | Pembahagian kuasa antara kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri diamalkan hingga hari ini | 1 |
| | F9 | PTM 1948 menjadi asas pembentukan taraf kewarganegaraan yang sama kepada rakyat Malaysia | 1 |
| | F10 | Parlimen/Badan Perundangan /legislatif berkuasa dalam bidang kuasa Majlis Perundangan Persekutuan mencakupi hal ehwal luar, ketenteraman awam, kehakiman | 1 |
| | F11 | Rang Undang-undang perlu mendapat perkenan Raja-raja Melayu<br>(Mana-mana jawapan berkaitan) | 1 |
| | | 134 – 135 [Mana-mana 8F x 1m] | [Mak 8m] |

5 xde
- Singapura
- pesuruhjaya tinggi
- kewarganegaraan

| | | | |
|---|---|---|---|
| 5(c) | | ***Teliti poster berikut.*** | |
| | |   | |
| | | ***Huraikan mesej yang terkandung dalam poster tersebut.*** | |
| | F1 | Negara kita berjaya mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 | 1 |
| | F2 | Tunku Abdul Rahman bapa kemerdekaan memimpin perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu | 1 |
| | F3 | Usaha melalui rundingan kemerdekaan membawa kejayaan | 1 |
| | F4 | Rombongan kemerdekaan melambangkan semangat kerjasama rakyat dalam mencapai kemerdekaan negara | 1 |
| | H4 | Memaparkan perpaduan rakyat pelbagai kaum menjadi faktor penting kejayaan kemerdekaan | 1 |
| | H5 | Menunjukkan semangat patriotisme dan cinta akan negara | 1 |
| | H7 | Menghargai pengorbanan pemimpin dan pejuang terdahulu yang berjuang untuk kemerdekaan negara | 1 |
| | H8 | Mengekalkan keamanan dan keharmonian demi kemajuan negara<br>(Mana-mana jawapan berkaitan)<br>***Perlu kaitkan poster** | 1 |
| | | [Mana-mana 8F/H x 1m] | [Mak 8m] |

| Soalan | Perkara / Huraian | Markah |
|---|---|---|
| 6(a) | ***Jelaskan pengertian kemerdekaan.*** | |
| | F1 Bebas daripada cengkaman kuasa asing/ penjajahan | 1 |
| | F2 Bebas menentukan pemerintahan dan hala tuju negara | 1 |
| | F3 Menurut Kamus Dewan, bebas daripada penjajahan, kurungan atau naungan | 1 |
| | F4 Negara yang berdaulat, iaitu mempunyai kuasa tertinggi | 1 |
| | F5 **Sayyid Jamal al-Din al-Afghani** | 1 |
| | F6 Perjuangan bagi menghadapi penjajah | 1 |
| | F7 Disertai semangat kebangsaan (jinsiyyah)/cinta akan tanah air yang merdeka (wataniyyah). | 1 |
| | F8 Rakyat perlu membebaskan diri daripada pencerobohan pihak luar | 1 |
| | F9 Bersatu padu bagi mempertahankan maruah diri/ bangsa/ agama/ negara | 1 |
| | F10 **Rashid Rida** | 1 |
| | F11 Kedaulatan/ kekuatan sesebuah negara adalah untuk membebaskan diri daripada penjajah Barat | 1 |
| | F12 Kedaulatan sesebuah negara adalah dengan menghidupkan sistem khalifah | 1 |
| | F13 Menghapuskan ikatan perkauman | 1 |
| | F14 **Mahatma Gandhi** | 1 |
| | F15 Kemerdekaan perlu merangkumi politik/ ekonomi/ moral. | 1 |
| | F16 Setiap negara berhak menguruskan sendiri negaranya, walaupun sukar | 1 |
| | F17 supaya setiap komuniti hidup dalam harmoni | 1 |
| | F18 **Nelson Mandela** | 1 |
| | F19 kebebasan bukan hanya satu pertempuran untuk melawan satu kumpulan / atau warna kulit | 1 |
| | F20 satu pertempuran terhadap sebuah sistem yang menindas | 1 |
| | F21 Kebebasan boleh dicapai melalui politik/ bebas daripada perhambaan/ kemiskinan/ penderitaan | 1 |
| | F22 Seluruh rakyat perlulah bersatu dalam satu negara menuju masa depan | 1 |
| | F23 **Soekarno** | 1 |
| | F24 kemerdekaan bererti bebas selama-lamanya. | 1 |
| | F25 Kebebasan ini merangkumi kebebasan untuk berfikir/ bertindak daripada politik penindasan/ rejim autokratik. | 1 |
| | F26 Kemerdekaan akan membentuk masyarakat baharu yang demokratik tanpa kelas/ kasta | 1 |
| | Tokoh beserta maksud | |

| | | |
|---|---|---|
| | F27 **Tunku Abdul Rahman** | |
| | F28 Kemerdekaan ibarat tempat perhentian dalam perjalanan yang jauh | 1 |
| | F29 bagi mewujudkan sebuah negara baharu yang berdaulat | 1 |
| | F30 Rakyat perlu berkhidmat untuk negara yang baharu/ berusaha dengan tenaga dan fikiran | 1 |
| | F31 bagi mencipta satu bangsa baharu dengan cita-cita keadilan/ kebebasan | 1 |
| | F32 **Tun Temenggong Jugah anak Barieng** | 1 |
| | F33 Melalui kemerdekaan, keselamatan negeri akan lebih terjamin/ menjadi lebih kuat | 1 |
| | F34 Penduduk peribumi Sarawak sanggup berkorban demi mempertahankan negara | 1 |
| | F35 Kemerdekaan ini kita dapat mengatasi ancaman komunis | 1 |
| | F36 **Tun Fuad Stephens** | 1 |
| | F37 Melalui kemerdekaan, keselamatan sosial Borneo Utara/ penduduk peribumi/ generasi selepasnya akan lebih terjamin | 1 |
| | F38 Usaha pembangunan yang pesat berlaku di Persekutuan Tanah Melayu mampu menaikkan semangat baharu masyarakat | 1 |
| | F39 **Tun Dr. Mahathir Mohamad** | 1 |
| | F40 Merdeka bukan sekadar bebas daripada cengkaman kuasa/ minda penjajah | 1 |
| | F41 Merdeka juga bermaksud menghayati semangat jiwa merdeka | 1 |
| | F42 Dengan menyayangi negara sepenuh hati | 1 |
| | F43 Sanggup berkorban untuk negara ini dengan apa-apa cara sekalipun | 1 |
| | ***Pandangan tokoh perlu ada nama tokoh dan pandangan yang tepat** | |
| | [Mana-mana 4F x 1m] | [Mak 4m] |

Scanned with

Join SPM Study Group
https://spmpaper.me/group

| | | |
|---|---|---|
| 6 (b) | ***Huraikan persediaan yang diatur bagi menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara.*** | |
| | F1 Jawatankuasa Persediaan Fizikal | 1 |
| | F2 Penonjolan identiti negara | 1 |
| | F3 Prasana fizikal | 1 |
| | F4 Istana Yang di- Pertuan Agong | 1 |
| | F5 Lagu Rasmi kebangsaan dicipta / Negaraku | 1 |
| | F6 Jawatankuasa Pemilihan Lagu Kebangsaan dibentuk | 1 |
| | F7 Dipengerusikan oleh Tunku Abdul Rahman/ dibantu oleh Yaacob Abdul Latiff ( Pengarah Jabatan Penerangan) | 1 |
| | F8 Berasal daripada lagu Terang Bulan/ lagu Negeri Perak | 1 |
| | F9 Lirik ditulis oleh Saiful Bahri | 1 |
| | F10 Bendera Persekutuan Tanah Melayu/Bendera Kebangsaan | 1 |
| | F11 Reka bentuk bendera dicipta oleh Mohamed Hamzah/kakitangan Jabatan Kerja Raya Johor | 1 |
| | F12 Jata Negara diperkenankan oleh Raja-raja Melayu pada 30 Mei 1957 | 1 |
| | F13 Bunga Raya dipilih oleh Tunku Abdul Rahman sebagai bunga kebangsaan | 1 |
| | F14 Kementerian Pertanian meninjau pendapat rakyat untuk tentukan bunga yang sesuai | 1 |
| | F15 Jawatankuasa Sambutan | 1 |
| | F16 Memeriahkan sambutan pada peringkat ibu kota dan negeri | 1 |
| | F17 Bangunan/Jalan Raya di Padang Kelab Selangor dihiasi lampu | 1 |
| | F18 75 Ribu bendera Persekutuan Tanah Melayu ditempah khas dari kilang kain di Jepun | 1 |
| | F19 Dibawa dengan kapal laut | 1 |
| | F20 Pakaian Khas Menteri dan pegawai tinggi kerajaan | 1 |
| | F21 Ilham daripada Tunku Abdul Rahman | 1 |
| | F22 Pakaian dari negeri Kedah/ baju muskat/seluar satin hitam/bersongket/ bersamping/ tengkolok | 1 |
| | F23 Kursus Khas berkaitan protokol 3 hari | 1 |
| | F24 Melibatkan 300 pegawai kerajaan | 1 |
| | F25 Bertindak sebagai pegawai penerangan/pegawai pengiring tetamu/pegawai jemputan tetamu luar negara | 1 |
| | F26 Pegawai/kakitangan kerajaan diberikan gaji seminggu lebih awal | 1 |
| | F27 Penyediaan tiket keretapi Tanah Melayu di Pantai timur /tiket bas | 1 |
| | F28 Pintu-pintu gerbang dibina/dihiasi dengan sinaran lampu yang berwarna-warni | 1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | F29 | Penubuhan jawatankuasa melancarkan acara sambutan | 1 |
| | F30 | Jawatankuasa Pusat Perayaan Merdeka/Dipengerusikan oleh Tunku Abdul Rahman | 1 |
| | F31 | Jawatankuasa Kerja Pusat Merdeka/Diketuai oleh Dato' Abdul Razak Hussein | 1 |
| | F32 | Jawatankuasa Perayaan Ibu Kota Persekutuan/Dipengerusikan oleh H.S Lee | 1 |
| | F33 | Jawatankuasa Derma Perayaan Kemerdekaan/Mengutip derma membantu perbelanjaan sambutan merdeka | 1 |
| | | [Mana-mana 8F x 1m] | [Mak 8m] |

**6 (c)**

> Sebuah negara baharu telah lahir pada tengah malam iaitu Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka dan berdaulat. Temasya itu telah diumumkan kepada dunia dengan satu patah perkataan, yang dipekik oleh sejuta orang "Merdeka". Bakal Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman, "Bapa Kemerdekaan," telah memulakan pekikan itu dengan suara yang penuh dengan perasaan.
>
> Jawapan yang bergemuruh telah datang daripada beribu-ribu orang yang berkerumun di sekelilingnya dan menteri-menterinya di Padang Kelab Selangor di tengah-tengah Kuala Lumpur.
>
> Pekikan itu telah disambut di jalan-jalan yang berjiran dan tidak lama sahaja pekikan Merdeka telah kedengaran di merata-rata dalam bandar, dan mendapat sambutan dalam pekan-pekan dan kampung-kampung di seluruh negeri.
>
> Sumber: Diubah suai daripada https://eresources.nlb.gov.sg/newspapers/digitised/page/beritaharian19570831-1.1.1

***Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut.***

F1 Persekutuan Tanah Melayu telah menjadi sebuah negara merdeka dan berdaulat pada tengah malam
F2 Kemerdekaan diumumkan kepada dunia melalui laungan perkataan "Merdeka"
F3 Tunku Abdul Rahman sebagai "Bapa Kemerdekaan" memulakan laungan tersebut dengan penuh semangat dan perasaan
F4 Laungan "Merdeka" disambut oleh ribuan rakyat yang berkumpul di Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur
F5 Pekikan "Merdeka" tersebar ke jalan-jalan di sekitar bandar, pekan dan kampung

H1 Negara kita telah bebas dari penjajahan British
H2 Negara luar mengiktiraf negara kita sebagai sebuah negara merdeka
H3 Seluruh rakyat jelata melahirkan semangat cinta akan negara
H4 Sambutan merdeka diraikan oleh rakyat seluruh negara
H5 Rakyat pelbagai kaum bersama-sama meraikan kemerdekaan tanah air
(Mana-mana yang berkaitan)
***Perlu kaitkan petikan**

[Mana-mana 8F/H x 1m] [Mak 8m]

| Soalan | | Perkara / Huraian | Marka |
|---|---|---|---|
| | | ***Jelaskan kaedah pemilihan Yang di- Pertuan Agong.*** | |
| 7 (a) | F1 | Yang di-Pertuan Agong dipilih dalam kalangan raja yang memerintah di sembilan buah negeri dalam persekutuan. | 1 |
| | F2 | Iaitu Perlis/ Kedah/ Perak/ Selangor/ Negeri Sembilan/ Johor/ Pahang/ Terengganu/Kelantan. | 1 |
| | F3 | Pemilihan dilaksanakan oleh Majlis Raja-Raja | 1 |
| | F4 | Menurut kaedah yang ditetapkan dalam Perlembagaan Persekutuan / Peraturan- peraturan Majlis Raja- Raja | 1 |
| | F5 | Memegang pemerintahan bagi tempoh lima tahun tetapi boleh pada bila bila masa meletakkan jawatannya | 1 |
| | F6 | Boleh dipecat daripada jawatannya oleh Majlis Raja-Raja. | 1 |
| | F7 | Berhenti memegang jawatan apabila terhenti menjadi Raja. | 1 |
| | | [Mana-mana 6F x 1m] | [Mak 6m] |
| 7 (b) | | ***Terangkan kuasa perundangan Yang di-Pertuan Agong (YDPA) seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.*** | |
| | F1 | YDPA memperkenankan sesuatu Rang Undang-undang | 1 |
| | F2 | Proses pembentangan di Dewan Rakyat/ Dewan Negara | 1 |
| | F3 | Persidangan Parlimen | 1 |
| | F4 | YDPA mempunyai kuasa memanggil Parlimen bersidang | 1 |
| | F5 | Berkuasa memberhentikan parlimen | 1 |
| | F6 | Membubarkan Parlimen | 1 |
| | F7 | Kuasa Agama | 1 |
| | F8 | Yang di- Pertuan Agong merupakan ketua agama Islam di negeri baginda sendiri. | 1 |
| | F9 | Wilayah Persekutuan/Melaka/ Pulau Pinang/ Sarawak/ Sabah | 1 |
| | F10 | Ketua agama Islam di negeri-negeri lain ialah sultan atau raja yang memerintah di negeri masing- masing. | 1 |
| | F11 | Hak dan Keistimewaan | 1 |
| | F12 | YDPA bertanggungjawab menjaga/ melindungi kedudukan istimewa orang Melayu / bumiputera di Sarawak dan Sabah | 1 |
| | F13 | Melindungi kepentingan sah kaum lain | 1 |
| | F14 | Pengiytiharan Darurat | 1 |
| | F15 | Pengisytiharan darurat memastikan keadaan yang mengancam keselamatan awam dan ekonomi negara. | 1 |
| | | [Mana-mana 6F x 1m] | [Mak 6m] |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 7 (c) | |  | |
| | | ***Ulaskan*** | |
| | F1 | Ketua Negara Teras Perpaduan | 1 |
| | F2 | Bersama Rakyat, Memperkukuh Negara | 1 |
| | F3 | Hubungan baik Yang di-Pertuan Agong dengan rakyat | 1 |
| | H1 | Hubungan mesra antara pemimpin dengan rakyat | 1 |
| | H2 | Untuk menjamin kestabilan negara | 1 |
| | H3 | Sikap prihatin pemimpin terhadap rakyat | 1 |
| | H4 | Meningkatkan keamanan/ keharmonian negara | 1 |
| | H5 | YDPA menjadi lambang kedaulatan negara | 1 |
| | H6 | Membentuk masyarakat yang kukuh dan bersatu | 1 |
| | | (Mana-mana yang berkaitan)<br>***Perlu kaitkan petikan** | |
| | | [Mana-mana 8F/H x 1m] | [Mak 8m] |

| Soalan | | Perkara / Huraian | Ma |
|---|---|---|---|
| 8 (a)(i) | | ***Sarawak*** | |
| | F1 | Parti yang menyokong pembentukan Malaysia | 1 |
| | F2 | BARJASA dipimpin oleh Datuk Patinggi Abdul Rahman Ya'kub dan Datu Tuanku Haji Bujang Tuanku Othman | 1 |
| | F3 | PANAS dipimpin oleh Datu Bandar Abang Haji Mustapha, | 1 |
| | F4 | PESAKA pimpinan Temenggung Jugah anak Barieng | 1 |
| | F5 | SCA turut menyokong Malaysia | 1 |
| | F6 | Parti yang menentang pembentuknn Malaysia | 1 |
| | F7 | SUPP yang dipimpin oleh Ong Kee Hui | 1 |
| | F8 | SNAP yang diketuaioleh Stephen Kalong Ningkan | 1 |
| | F9 | Menentang kemudian menyokong | 1 |
| | F10 | SNAP kemudiannya menyokong berdasarkan cadangan Jawatankuasa Setia Kawan Malaysia (JSKM) | 1 |
| | F11 | Pada bulan Oktober 1962, PANAS, SNAP, BARJASA, SCA dan PESAKA bergabung membentuk Parti Perikatan Sarawak untuk menyokong Malaysia | 1 |
| | F12 | Parti politik Sarawak menubuhkan gabungan menyokong Malaysia yang dinamakan Sarawak Alliance pada bulan Januari 1963 | 1 |
| | | [Mana-mana 4F x 1m] | [Mak 4m] |
| 8 (a)(ii) | | ***Sabah*** | |
| | F1 | Pada peringkat awal, penduduk Sabah berasa curiga dan bimbang | 1 |
| | F2 | Sabah sedang berkembang dalam kegiatan perdagangan | 1 |
| | F3 | Sistem perkhidmatan awam semakin baik | 1 |
| | F4 | Penduduk pula bebas menjalankan kegiatan harian mereka | 1 |
| | F5 | kehadiran pasukan tentera British menjamin keselamatan mereka | 1 |
| | F6 | penduduk berpendapat bahawa tiada keperluan untuk bergabung | 1 |
| | F7 | Parti yang menyokong pembentukan Malaysia | 1 |
| | F8 | UNKO/ USNO/ Pasok Momogun/ Sabah Chinese Association (SCA) | 1 |
| | F9 | USNO dipimpin oleh Datu Mustapha Datu Harun | 1 |
| | F10 | Parti politik di Sabah menubuhkan gabungan menyokong Malaysia yang dinamakan Sabah Alliance pada bulan Oktober 1962 | 1 |
| | F11 | Parti gabungan ini terdiri daripada UNKO/ USNO/ United Pasok Momogun (UPKO)/ Democratic Party/ Sabah Indian Congress. | 1 |



Join SPM Study Group
https://spmpaper.me/group

| | | | |
|---|---|---|---|
| | F12 | Menentang pembentukan Malaysia | 1 |
| | F13 | Pembentukan Malaysia mengejutkan pemimpin dan penduduk di Sabah | 1 |
| | F14 | Mereka melahirkan keinginan untuk mendapatkan kemerdekaan secara berasingan | 1 |
| | F15 | Mereka ingin membentuk sebuah Kesatuan Negeri-negeri Borneo yang merdeka | 1 |
| | F16 | Kebanyakan penduduk di Sabah menganggap Tanah Melayu terasing seperti Indonesia/ Filipina | 1 |
| | F17 | Mereka mempersoalkan keadaan pemimpin tempatan yang perlu menyesuaikan diri dengan kegiatan politik, pilihan raya dan berkerajaan sendiri yang sudah diamalkan di Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu | 1 |
| | F18 | Jarak antara Sarawak/ Sabah dengan Kuala Lumpur yang jauh juga menimbulkan masalah. | 1 |
| | F19 | para pemimpin di Borneo membentuk Barisan Bersatu (United Front) pada 9 Ogos 1961 bagi mencabar rancangan pembentukan Malaysia | 1 |
| | F20 | Barisan Bersatu ini dianggotai oleh Ong Kee Hui (Pengerusi SUPP)/ A.M. Azahari (Parti Rakyat Brunei)/ Donald Stephens (Fuad Stephens) daripada UNKO. | 1 |
| | F21 | UNKO kemudiannya menyokong pembentukan Malaysia. | 1 |
| | | [Mana-mana 4F x 1m] | [Mak 4m] |
| 8 (a)(iii) | | ***Singapura*** | |
| | F1 | Parti yang menyokong pembentukan Malaysia | 1 |
| | F2 | People's Action Party (PAP) yang dipimpin oleh Lee Kuan Yew | 1 |
| | F3 | Golongan pedagang/ pengusaha industri menyokong pembentukan Malaysia | 1 |
| | F4 | Membuka peluang pasaran yang lebih besar | 1 |
| | F5 | Parti lain seperti Parti Buruh Singapura bersetuju tetapi menganggap gabungan ini sebagai suatu usaha yang sukar dilaksanakan | 1 |
| | F6 | Parti yang menentang pembentukan Malaysia | 1 |
| | F7 | Parti Rakyat Singapura menentang gagasan Malaysia | 1 |
| | F8 | Barisan Sosialis juga menentang penggabungan kerana menganggap pembentukan Malaysia sebagai penjajahan baharu | 1 |
| | F9 | Mereka mencadangkan agar pandangan rakyat diperoleh sebelum Singapura menyertai Malaysia | 1 |
| | | [Mana-mana 4F x 1m] | [Mak 4m] |



Scanned with

8 (c)




***Jelaskan impian anda terhadap Malaysia berdasarkan mesej yang terkandung dalam poster tersebut.***

| | | |
|---|---|---|
| F1 | Kita hidup bersama | 1 |
| F2 | Kita lebih kuat bila bersama | 1 |
| F3 | Rakyat Malaysia terdiri dari pelbagai kaum | 1 |
| F4 | Rakyat sentiasa menghormati jalur gemilang | 1 |
| H1 | Kehidupan rakyat akan lebih harmoni | 1 |
| H2 | Masyarakat saling menghormati antara satu sama lain | 1 |
| H3 | Rakyat perlu bertoleransi bagi menjamin keamanan | 1 |
| H4 | Bersama mendukung nama Malaysia di mata dunia | 1 |
| H5 | Sentiasa bangga dengan bendera Malaysia yang menjadi lambang identiti negara | 1 |
| H6 | Hidup bersama tanpa mengira kaum | 1 |
| H7 | Mempunyai jati diri yang tinggi | 1 |
| H8 | Generasi muda perlu dipupuk semangat patriotik | 1 |

(Mana-mana yang berkaitan)
***Perlu kaitkan petikan**

[Mana-mana 8F/H x 1m] [Mak 8m]



Scanned with

| Soalan | | Perkara/Huraian | Markah |
|---|---|---|---|
| 9 (a) | | ***Jelaskan cabaran mengukuhkan dasar luar Malaysia.*** | |
| | F1 | Cabaran Politik Antarabangsa | 1 |
| | H1a | Mengamalkan dasar berkecuali | 1 |
| | H1b | Menjalinkan hubungan dengan negara luar tanpa mengira ideologi | 1 |
| | H1c | Menjalinkan hubungan dengan negara China | 1 |
| | H1d | Lawatan Tun Abdul Razak Hussein ke China tahun 1974 | 1 |
| | F2 | Cabaran Politik Serantau | 1 |
| | H2a | Peluasan pengaruh komunis di Indochina | 1 |
| | H2b | Ketidakstabilan kepada rantau Asia Tenggara | 1 |
| | H2c | Kebanjiran pendatang asing Vietnam di Asia Tenggara | 1 |
| | H2d | Malaysia menggerakkan usaha menyokong Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara ASEAN di Bali, Indonesia | 1 |
| | H2e | Membincangkan pergolakan di Indochina/masa hadapan rantau Asia Tenggara | 1 |
| | F3 | Cabaran Keselamatan dan Pertahanan | 1 |
| | H3a | Anglo-Malaysian Defence Agreement (AMDA), ditamatkan pada tahun 1971 | 1 |
| | H3b | Menandatangani perjanjian pertahanan baharu - Five Power Defence Arrangements-FPDA atau Perjanjian Pertahanan Lima Negara pada 15 April hingga 16 April 1971 | 1 |
| | H3c | Melibatkan Malaysia, Singapura, Britain, New Zealand dan Australia | 1 |
| | H3d | Memperoleh bantuan teknikal dan latihan bersama | 1 |
| | H3e | Memperkukuh pertahanan dan keselamatan negara | 1 |
| | H3f | Bekerjasama dengan negara ASEAN | 1 |
| | H3g | Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN diadakan | 1 |
| | H3h | Untuk memperkuat pertahanan dan keselamatan rantau Asia Tenggara | 1 |
| | H3i | Menandatangani perjanjian sempadan dengan Thailand tahun 1965 | 1 |
| | F4 | Cabaran pembangunan ekonomi | 1 |
| | H4a | Dominasi negara maju bagi menentukan harga komoditi bijih timah/getah/hasil minyak/gas negara | 1 |
| | H4b | Malaysia menjadi anggota pertubuhan antarabangsa | 1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | H4c | International Tin Council (ITC) atau Majlis Timah Antarabangsa/General Agreement on Tariffs and Trade (GATT) atau Perjanjian Umum Tarif dan Perdagangan | 1 |
| | H4d | Mendesak agar harga barangan dapat dikawal | 1 |
| | H4e | Membolehkan Malaysia memperoleh hasil daripada minyak dan gas | 1 |
| | H4f | Menubuhkan PETRONAS pada tahun 1974 | 1 |
| | H4g | Membangunkan sektor minyak dan gas negara | 1 |
| | | [Mana-mana 4F/H x 1m] | [Mak 4m] |
| 9 (b) | | ***Terangkan pelibatan Malaysia dalam pertubuhan berikut:*** | |
| | | ***(i) Pergerakan Negara-negara Tanpa Pihak (NAM)*** | |
| | F1 | Tuan Rumah Sidang Kemuncak dan Pengerusi | 1 |
| | H1a | Tuan rumah kepada Sidang Kemuncak NAM kali ke-13 pada tahun 2003 | 1 |
| | H1b | Deklarasi Kuala Lumpur menyatakan sikap NAM terhadap isu Palestin | 1 |
| | H1c | Serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq | |
| | H1d | Pencerobohan kuasa besar terhadap negara kecil | |
| | H1e | Menjadi tuan rumah bagi Sidang Kemuncak NAM | 1 |
| | H1f | Membuktikan kemampuan Malaysia dalam mengendalikan persidangan bertaraf dunia | |
| | H1g | Menjadi Pengerusi NAM dari tahun 2003 hingga tahun 2006 | 1 |
| | H1h | Tun Abdullah Ahmad Badawi/Perdana Menteri Malaysia | 1 |
| | H1i | Menjulang nama Malaysia dalam kalangan negara anggota | 1 |
| | H1j | Malaysia berusaha untuk meningkatkan tahap kemajuan dan pembangunan anggota NAM | 1 |
| | H1k | Bekerjasama agar menjadi organisasi yang dihormati | 1 |
| | F2 | Peranan dalam Politik | 1 |
| | H2a | Lantang menyuarakan isu pencerobohan terhadap hak asasi manusia dan negara lain | 1 |
| | H2b | Isu Aparteid/Bosnia dan Herzegovina | 1 |
| | H2c | Platform menyuarakan sikap Malaysia terhadap isu Aparteid | 1 |
| | H2d | Bersetuju tekanan politik dan ekonomi dikenakan kepada Afrika Selatan | 1 |
| | H2e | Membangkitkan isu berkaitan dengan Bosnia dan Herzegovina yang sedang ditekan oleh Serbia pada Sidang Kemuncak NAM di Jakarta, Indonesia (1992) | 1 |
| | H2f | Kedudukan Yugoslavia sebagai salah sebuah negara pengasas NAM digantung | 1 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | H2g | Tindakan menggantung keahlian Yugoslavia merupakan hasil kejayaan bersama Malaysia dan negara anggota yang lain | 1 |
| | H2h | Turut menerima sejumlah pelarian Bosnia dan Herzegovina | 1 |
| | F3 | Dasar Keamanan dan Berkecuali | 1 |
| | H3a | Suara serta pandangan Malaysia yang meminta agar rantau Asia Tenggara diterima sebagai sebuah kawasan berkecuali | 1 |
| | H3b | Malaysia berpandangan bahawa negara kuasa besar seperti China/Rusia/Amerika Syarikat perlu mengakuinya | 1 |
| | H3c | Tidak campur tangan/memberikan tekanan kepada negara di rantau Asia Tenggara | 1 |
| | H3d | Menandatangani Perisytiharan Lusaka pada tahun 1970 | 1 |
| | H3e | Sebagai iltizam NAM mendesak pengharaman senjata nuklear | 1 |
| | | [Mana-mana 4F/H x 1m] | [Mak 4m] |
| | | ***(ii) Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)*** | |
| | F1 | Setiausaha Agung Pertama | 1 |
| | H1a | Pelantikan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj sebagai Setiausaha Agung yang pertama tahun 1970 - 1974 | 1 |
| | H1b | Tugas utamanya adalah mengukuhkan OIC | 1 |
| | H1c | Memastikan masyarakat Islam di seluruh dunia mendapat pembelaan yang sewajarnya | 1 |
| | F2 | Pengerusi OIC | 1 |
| | H2a | Tun Abdullah Ahmad Badawi, dilantik sebagai pengerusi pertubuhan OIC pada tahun 2003 | 1 |
| | H2b | Malaysia berhadapan dengan tohmahan yang melanda masyarakat Islam kerana sering dikaitkan dengan 3K, iaitu keganasan, kemiskinan dan kemunduran | 1 |
| | H2c | Malaysia mengetengahkan nilai kesederhanaan dan menolak keganasan. | 1 |
| | F3 | Pembangunan Pendidikan | 1 |
| | H3a | Memberikan penekanan kepada pembangunan sosial terutamanya dalam bidang pendidikan | 1 |
| | H3b | Melalui pembiayaan pelajaran dan kebajikan | 1 |
| | H3c | Pembinaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) | 1 |
| | H3d | Memberikan biasiswa kepada pelajar dari negara OIC untuk belajar di UIAM | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | F4 | Menangani Isu Politik Negara Islam | 1 |
| | H4a | Menyuarakan pandangan tentang isu politik yang melanda negara Islam | 1 |
| | H4b | Palestin/Afghanistan/perang Iran-Iraq | 1 |
| | H4c | Menjadi perantara bagi menyelesaikan konflik Iran-Iraq | 1 |
| | H4d | Sepasukan 15 orang pegawai tentera Malaysia menyertai pasukan tentera pemerhati PBB | 1 |
| | H4e | Memberikan sokongan kuat kepada perjuangan rakyat Palestin dan Palestine Liberation Organization-PLO (Pertubuhan Pembebasan Palestin) | 1<br>1 |
| | H4f | Menjadi tuan rumah bagi Persidangan Keserantauan Asia berkaitan dengan Palestin di Kuala Lumpur | 1 |
| | H4g | Menyokong hak rakyat Palestin bagi menentukan nasib sendiri/hak negara merdeka | 1 |
| | H4h | Menyokong perjuangan Mujahidin Afghanistan terhadap Rejim Kabul | 1 |
| | H4i | Membenarkan Mujahidin Afghanistan membuka pejabat perwakilan di Kuala Lumpur pada tahun 1984 | 1 |
| | F5 | Pembangunan Ekonomi | 1 |
| | H5a | Aktif membangunkan ekonomi negara anggota OIC | 1 |
| | H5b | Menyokong aktiviti Islamic Development Bank-IsDB (Bank Pembangunan Islam) yang ditubuhkan pada tahun 1973 | 1 |
| | H5c | Menyertai IsDB pada tahun 1974 | 1 |
| | H5d | Memperoleh faedah berupa pinjaman | 1 |
| | H5e | Membiayai projek pembangunan negara | 1 |
| | H5f | IsDB membawa perkembangan penting dalam sistem perbankan Islam | 1 |
| | H5g | Melalui penubuhan bank Islam di serata dunia | 1 |
| | H5h | Dubai Islamic Bank pada tahun 1975/Islamic Bank of Bahrain pada tahun 1979/Bank Islam Malaysia Berhad pada tahun 1983 | 1 |
| | | [Mana-mana 4F x 1m] | [Mak 4m] |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 9(c) | | ***Maklumat berikut berkaitan manfaat penyertaan Malaysia dalam pertubuhan Komanwel.*** | |
| | |  | |
| | | ***Berikan ulasan anda.*** | |
| | F1 | Manfaat penyertaan Malaysia dalam Komanwel | 1 |
| | F2 | Mesyuarat Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM) | 1 |
| | F3 | Diadakan dua tahun sekali | 1 |
| | F4 | Membincangkan isu semasa antarabangsa | 1 |
| | F5 | Kerjasama ekonomi | 1 |
| | F6 | Negara Komanwel sebagai rakan dagang | 1 |
| | F7 | Kadar cukai rendah | 1 |
| | H1 | Menonjolkan kewibawaan negara pada peringkat dunia | 1 |
| | H2 | Lantang menyuarakan pandangan dalam pelbagai isu | 1 |
| | H3 | Negara kita dihormati oleh negara lain | 1 |
| | H4 | Komoditi utama negara dapat dieksport ke negara Komanwel | 1 |
| | H5 | Dikenakan cukai rendah seperti cukai eksport barangan siap dan cukai produk digital | 1 |
| | H6 | Mendapat pelbagai kemudahan seperti kemudahan kredit/ bantuan dana Komanwel | 1 |
| | | (Mana-mana yang berkaitan)<br>***Perlu kaitkan petikan**<br>[Mana-mana 8F/H x 1m] | [Mak 8m] |

| | | |
|---|---|---|
| **Jawapan Secara soalan holistik**<br>**5(c)**<br>**6(c)**<br>**7(c)**<br>**8(c)**<br>**9(c)** | **Aras 4**<br>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas<br>Bukti/contoh sangat sesuai<br>Membuat inferens yang tepat<br>Jawapan yang sangat mendalam/terperinci<br>Komunikasi/pengolahan sangat menarik<br>Menunjukkan kematangan | **7-8** |
| | **Aras 3**<br>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas<br>Bukti/contoh sangat sesuai<br>Membuat inferens<br>Jawapan mendalam/terperinci<br>Komunikasi/pengolahan menarik | **5-6** |
| | **Aras 2**<br>Pengetahuan dan pemahaman jelas<br>Jawapan kurang mendalam<br>Menyatakan hujah secara ringkas | **3-4** |
| | **Aras 1**<br>Pengetahuan dan pemahaman terhad<br>Jawapan secara umum | **1-2** |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**

Scanned with